



## MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

# The Observer

01.04.2022

**MSWG telah menerbitkan dokumen bertajuk “Laporan tentang Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat Awam Tersenarai 2020” di laman sesawang kami. Laporan ini merupakan hasil kerjasama antara MSWG dan Universiti Kebangsaan Malaysia, yang mana kajian ini memfokuskan kepada analisis pengendalian mesyuarat agung tahunan (annual general meeting, AGM) bagi syarikat awam tersenarai yang terpilih. Kajian ini membandingkannya dengan amalan terbaik serta mencadangkan cara untuk meningkatkan keberkesannya. Sila layari <https://www.mswg.org.my/publications> untuk maklumat lanjut.**

❖ **SC: Urus niaga pihak berkaitan (RPT) mempengaruhi harga saham dan berpotensi merugikan pemegang saham minoriti**

Sebuah penilaian yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Sekuriti (*Securities Commission, SC*) untuk mengkaji rejim kawal selia dan amalan urus niaga pihak berkaitan (*related party transactions, RPT*) oleh syarikat awam tersenarai (*public limited companies, PLC*) mendedahkan bahawa pelaksanaan korporat ini menimbulkan kesan ketara ke atas pergerakan harga saham pada hari selepas pengumuman RPT dibuat.

Dalam Laporan Tahunan 2021 SC, pengawal selia ini mendapati terdapat pergerakan harga melebihi purata pada hari sebelum pengumuman RPT. Ini menunjukkan bahawa mungkin terdapat kebocoran maklumat sensitif harga sebelum pengumuman RPT dibuat secara terbuka.

Bagi yang belum tahu, RPT ialah urus niaga yang dilakukan oleh PLC yang melibatkan kepentingan pengarah, pemegang saham utama atau orang yang berkaitan dengan pengarah atau pemegang saham utama tersebut.

Di samping itu, penilaian SC ke atas beberapa RPT besar (dari RM250 juta hingga lebih daripada RM3 bilion) mendapati RPT yang membabitkan PLC dalam kumpulan keluarga dan mempunyai pengarah bebas yang sudah lama berkhidmat perlu dipantau rapi bagi memastikan urus niaga yang dijalankan tidak merugikan pemegang saham minoriti. Terdapat juga isu dan kebimbangan berhubung RPT yang didedahkan oleh juruaudit PLC yang mengalami masalah kewangan, menurut SC dalam Laporan Tahunan 2021.


Laporan sebelum ini yang dibuat oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (*Organisation for Economic Co-operation and Development, OECD*) dan Institut Penganalisis Kewangan Berkanun (*Chartered Financial Analysts, CFA*) menekankan bahawa RPT bukanlah perkara luar biasa di Asia. Walaupun tidak semua RPT disalah guna, masih terdapat kejadian RPT yang memudaratkan serta mendatangkan kerugian kepada pelabur.

Oleh yang demikian, pelabur dinasihatkan supaya memberi perhatian khusus terhadap pengumuman umum berhubung urus niaga antara pihak berkaitan yang hanya dikaitkan oleh jawatan pengarah biasa dan memorandum persefahaman atau perjanjian induk antara pihak berkaitan. Transaksi atau urus niaga seumpama ini masih berisiko mengkhakis perlindungan terhadap pemegang saham minoriti.

Memandangkan kelaziman RPT dalam kalangan PLC di Malaysia, lembaga pengarah PLC, terutamanya pengarah bebas dan jawatankuasa audit, perlu mewujudkan proses dan kawalan yang berkesan untuk mencegah RPT yang memudaratkan serta memastikan keputusan yang dibuat ke atas RPT adalah untuk kepentingan terbaik PLC dan para pemegang sahamnya.

PLC perlu memastikan penzahiran RPT dan urus niaga lain yang melibatkan pihak berkaitan adalah tepat pada masanya, lengkap dan tepat.

SC seterusnya menekankan bahawa dasar dalaman PLC yang berkaitan pengendalian dan perlindungan maklumat penting bukan awam perlu merangkumi RPT yang mungkin mempunyai kesan ketara terhadap harga.



Sumber: Laporan Tahunan Suruhanjaya Sekuriti 2021

Selain pemerhatian SC terhadap RPT, kami juga mendapati beberapa perkara menarik daripada Laporan Tahunan 2021 SC:

**Aktiviti jualan singkat dikawal selia:** Selepas memulakan semula dagangan jualan singkat dikawal selia (*regulated short selling, RSS*) pada 4 Januari 2021, SC mendapati bahawa aktiviti pengurusan risiko yang diperbaharui menghasilkan dagangan RSS yang agak aktif sebelum beransur sederhana kepada purata kira-kira 1% daripada jumlah nilai pasaran yang didagangkan sepanjang 2021.

Di samping itu, perkembangan mengenai insiden tekanan singkat GameStop oleh peruncit di Amerika Syarikat menimbulkan kebimbangan terhadap risiko serupa yang berkaitan aktiviti jualan singkat domestik.

Walau bagaimanapun, risiko sedemikian tidak akan berlaku dalam pasaran domestik memandangkan perbezaan persekitaran dan adanya rangka kerja kawal selia yang berbeza, antaranya had urus niaga yang dikenakan untuk mengelakkan aktiviti jualan singkat yang berlebihan.

Secara keseluruhan, aktiviti RSS ditadbir dengan baik dengan langkah kawalan sedia ada dan dipertingkat bagi memastikan kestabilan pasaran serta mengurangkan risiko kedudukan singkat bersih yang berlebihan. Kawalan ini termasuklah had agregat yang lebih ketat ke atas kedudukan singkat bersih, peraturan dagangan 'at-tick' dan had volum jualan singkat harian.

**Pendedahan yang mengelirukan:** Pada tahun 2021, potensi salah laku yang dikesan oleh SC termasuk kemungkinan pendedahan mengelirukan yang dibuat oleh syarikat tersenarai yang mungkin mendorong aktiviti dagangan atau mempengaruhi harga pasaran sekuriti.

Ini adalah berikutan peningkatan bilangan pengumuman yang dibuat oleh PLC yang menceburi usaha niaga berkaitan COVID-19 atau penjagaan kesihatan sewaktu pandemik COVID-19. SC telah memantau dan menilai penzahiran sedemikian bagi memastikan PLC tidak mengambil kesempatan daripada pandemik dengan membuat sebarang kenyataan palsu atau mengelirukan yang boleh mempengaruhi keputusan pelaburan para pelabur.

**Ketidakpatuhan terhadap piawaian pelaporan kewangan:** Beberapa PLC didapati tidak mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan berhubung pengiktirafan perakaunan untuk pelaburan dalam dana borong.

SC mendapati sesetengah syarikat tersenarai mengurus lebih tunai mereka dengan melabur dalam dana borong. Terdapat keadaan yang mana dana borong tersebut dilihat memenuhi keperluan pengurusan tunai khusus syarikat tersenarai tersebut.

Sesetengah daripada dana borong ini memegang portfolio pelaburan yang sebahagian besar atau keseluruhannya terdiri daripada instrumen kewangan syarikat tersenarai itu dan syarikat berkaitannya. Ini mungkin menyebabkan syarikat tersenarai tersebut mempunyai kawalan berkesan ke atas dana borong.

Jika wujud kawalan sedemikian, pengiktirafan perakaunan untuk pelaburan syarikat tersenarai tersebut dalam dana borong hendaklah dinilai dan ditunjukkan dengan sewajarnya.

Pemerhatian SC juga mendapati contoh ketidakpatuhan terhadap piawaian perakaunan yang diluluskan iaitu kegagalan untuk mengklasifikasikan semula sukuk kekal tertentu (bon Islam) daripada instrumen ekuiti kepada liabiliti kewangan apabila syarikat tersenarai tidak lagi mempunyai hak tanpa syarat untuk mengelakkan penebusan sukuk kekal tersebut.

**Penguatkuasaan (pendakwaan jenayah):** Sepanjang tahun 2021, sebanyak 10 pertuduhan jenayah telah difailkan terhadap enam individu dan satu PLC atas kesalahan menjalankan aktiviti tidak berlesen dan memberikan maklumat palsu dalam pelaporan kewangan. Selain itu, satu permohonan pelucuthakan jenayah telah difailkan terhadap seorang individu dan sebuah syarikat sendirian berhad yang berkaitan kesalahan pengubahan wang haram.



Sumber: Laporan Tahunan Suruhanjaya Sekuriti 2021

Di samping itu, tiga sabitan telah diperolehi terhadap tiga individu bagi kes yang melibatkan dagangan orang dalam, memberikan maklumat mengelirukan dalam pelaporan kewangan dan kegagalan untuk hadir di hadapan Pegawai Penyiasat SC berkaitan dengan siasatan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2021 (*Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism and Proceeds of Unlawful Activities Act 2021, AMLATFPUAA*). Secara keseluruhan, denda yang dikenakan berjumlah RM7.57 juta.

**Penguatkuasaan (Tindakan Sivil):** SC memfailkan enam tindakan sivil pada tahun 2021, terhadap 10 individu. Empat penghakiman persetujuan juga direkodkan antara SC dan lapan individu. Penalti sivil yang dikenakan berjumlah RM2.5 juta.

**Penyelesaian kawal selia dengan AMMB Holdings Berhad:** Pada tahun 2021, SC telah menyelesaikan siasatannya ke atas AMMB Holdings Bhd ('Kumpulan AmBank') berhubung 1Malaysia Development Bhd ('1MDB') serta ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan garis panduan SC yang berkaitan.

Oleh yang demikian, SC telah menandatangani perjanjian dengan Kumpulan AmBank untuk menyelesaikan semua tindakan kawal selia yang masih belum dilaksanakan yang berkaitan atau berhubung dengan:

- Program Nota Jangka Sederhana Islam (*Islamic Medium Term Notes, IMTN*) Dijamin Kerajaan, berjumlah RM5.0 bilion, yang tamat tempoh pada 2039. Ia diterbitkan oleh Lembaga Pelaburan Terengganu (*Terengganu Investment Authority, TIA* yang kini dikenali sebagai 1MDB) pada Mei 2009; dan

- Program Sukuk Murabahah berjumlah RM2.4 bilion, yang tamat tempoh antara 2021 dan 2024, diterbitkan oleh Bandar Malaysia Sdn Bhd ('BMSB') pada Februari 2014 dan Disember 2014.

Penyelesaian IMTN TIA dibuat atas dasar tanpa pengakuan atau penolakan liabiliti oleh Kumpulan AmBank. Kumpulan AmBank juga mengakui pelanggaran undang-undang sekuriti yang dikenal pasti oleh SC dalam hal yang berkaitan Sukuk Murabahah BMSB.

**Devanesan Evanson**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**

---

### Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 4 hingga 8 April 2022

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
06.04.22 (Rabu) 11.00 pagi	LPI Capital Bhd (AGM)	Premium bertulis kasar LPI pada 2021 meningkat sedikit kepada RM1.56 bilion daripada RM1.55 bilion pada tahun sebelumnya. Ini disebabkan oleh aktiviti ekonomi yang terjejas berikutan sekatan pergerakan yang dikuatkuasakan oleh kerajaan. Bagaimanapun, sumbangan daripada aktiviti pelaburan berjaya menyelamatkan prestasi kewangan kumpulan. Pendapatan pelaburannya pada tahun kewangan 2021 meningkat 16.8% tahun ke tahun kepada RM105.7 juta berbanding RM90.5 juta setahun yang lalu.  Dua faktor ini, ditambah dengan tuntutan insurans yang lebih rendah, menyumbang kepada peningkatan keuntungan sebelum cukai yang meningkat 0.9% kepada RM437.3 juta berbanding RM433.6 juta setahun lalu.
08.04.22 (Jumaat) 10.00 pagi	G3 Global Berhad (EGM)	Dalam mesyuarat agung luar biasa ini, G3 berhasrat untuk

		<p>mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi resolusi berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Cadangan mempelbagaian aktiviti perniagaan ke dalam perniagaan berkaitan penjagaan kesihatan yang merangkumi pengedaran kit antigen COVID-19.</li> <li>- Cadangan penempatan persendirian sehingga 432.85 juta saham baharu, mewakili 20% daripada jumlah saham terbitan kepada pelabur pihak ketiga bebas yang akan dikenal pasti kemudian pada harga terbitan yang akan ditentukan kemudian.</li> </ul>
08.04.22 (Jumaat) 10.30 pagi	G3 Global Berhad (EGM)	G3 berhasrat untuk meningkatkan had kuasa daripada 10% kepada 20% bagi memperuntuk dan menerbitkan saham menurut Seksyen 75 dan 76 Akta Syarikat 2016 seperti yang dinyatakan di bawah perenggan 6.03(1) Syarat-syarat Penyeneraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.
08.04.22 (Jumaat) 11.00 pagi	G3 Global Berhad (EGM)	Mesyuarat agung luar biasa ini bertujuan mendapatkan kelulusan berserta mandat daripada pemegang saham baharu yang dicadangkan oleh G3 untuk urus niaga pihak berkaitan yang berulang, yang bersifat pendapatan atau perdagangan.
08.04.22 (Jumaat) 11.00 pagi	Kumpulan H&L High-Tech Berhad (AGM)	Jumlah pendapatan H&L meningkat 18.1% tahun ke tahun kepada RM21.85 juta (tahun kewangan 2020: RM18.51 juta), manakala keuntungan sebelum cukainya mencatatkan lonjakan ketara sebanyak 625.1% kepada RM20.06 juta (tahun kewangan 2020: RM2.77 juta). Peningkatan ini disebabkan oleh keuntungan

		yang luar biasa daripada pelupusan/ penjualan semula saham perbendaharaan. Jika tidak termasuk keuntungan luar biasa ini, keuntungan selepas cukai Kumpulan masih menunjukkan prestasi yang baik dan mencatatkan peningkatan 119.5% kepada RM5.33 juta daripada RM2.43 juta pada tahun kewangan 2020, terutamanya disebabkan oleh peningkatan prestasi dalam semua bahagian.
--	--	--

**Perkara penting untuk diketengahkan:**

<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu untuk diketengahkan</b>
LPI Capital Bhd (AGM)	<p>LPI mencatatkan kadar pengekaln pelanggan yang lebih rendah iaitu 78.5% berbanding 79.9% dan 83.7% dalam dua tahun kewangan sebelum ini (halaman 50, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>Adakah penurunan ini menandakan bahawa produk LPI sudah kehilangan daya tarikan kepada pelanggan? Adakah kadar pengekaln pelanggan yang menyusut ini merupakan fenomena yang turut dialami oleh pemain lain dalam industri? Apakah purata kadar pengekaln pelanggan dalam industri insurans am?</p>
Kumpulan H&L High-Tech Berhad (AGM)	<p>Meskipun Perintah Kawalan Pergerakan ("PKP") dan pandemik COVID-19 menjejaskan kapasiti pengeluaran dan eksport Kumpulan pada tahun kewangan 2020 dan berlarutan sehingga 2021, segmen perniagaan pembuatan menjana margin keuntungan yang lebih baik pada tahun kewangan 2021 berbanding tahun kewangan 2020. Ini disebabkan oleh permintaan dan penawaran yang turun naik terhadap bekalan sesetengah bahan mentah (Halaman 8, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>(a) Adakah permintaan dan margin keuntungan untuk produk Kumpulan dapat dikekalkan pada masa hadapan? Produk Kumpulan yang manakah akan memacu pertumbuhan pendapatan bagi tahun kewangan berakhir 2022?</p> <p>(b) Segmen plastik juga mengalami lonjakan dalam margin keuntungan yang disebabkan oleh krisis rantai bekalan serta peningkatan permintaan daripada sektor perubatan dan penjagaan kesihatan</p>

	<p>yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19. (Halaman 8, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>Bagaimanakah dan sejauh manakah impak perang Rusia-Ukraine terhadap segmen plastik Kumpulan?</p>
--	---

### PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))  
Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))  
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))  
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))  
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))  
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))  
Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ranjit.singh@mswg.org.my](mailto:ranjit.singh@mswg.org.my))  
Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))

---

### PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

---

### PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.